



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 27/2020 dari 28 Jun hingga 4 Julai 2020)

Bagi tempoh 28 Jun hingga 4 Julai 2020 atau pada minggu ke-27, terdapat sebanyak 2,116 kes dilaporkan berbanding 2,120 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan daripada 28 Jun hingga 4 Julai 2020 dan menyamai jumlah kematian akibat komplikasi Demam Denggi pada minggu sebelumnya. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 56,507 kes dengan 94 kematian berbanding 65,591 kes dan 100 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan kes sebanyak 13.8% (9,084 kes) dan pengurangan kematian sebanyak 6% (6 kematian) **(Lampiran A & C)**.

Lokaliti hotspot yang dilaporkan menurun sebanyak 24 lokaliti dengan sebanyak 76 lokaliti hotspot pada minggu ke-27 berbanding 100 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Majoriti hotspot iaitu 55.3% atau 42 lokaliti hotspot dari keseluruhan 76 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 24 lokaliti hotspot (31.6%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, empat (4) lokaliti hotspot di Perak (5.3%), tiga (3) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (3.9%), dua (2) lokaliti hotspot di Kelantan (2.6%) dan satu (1) lokaliti hotspot di Johor (1.4%) **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 117 kes baru dengan sebanyak 74 kes dilaporkan dari negeri Pulau Pinang, 32 kes dari negeri Perak, sepuluh (10) kes dari negeri Kelantan dan satu (1) kes dari negeri Johor. Sebanyak 57 lokaliti wabak aktif Chikungunya masih dalam pemantauan melibatkan 37 lokaliti di negeri Pulau Pinang, 17 lokaliti di negeri Perak dan tiga (3) lokaliti di negeri Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 1,289 (**Lampiran E**). Bagi surveilan Zika, sebanyak 920 sampel darah dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang bermula sejak pertengahan bulan Mei dan dijangka berterusan sehingga pertengahan September 2020 menyebabkan hujan pada awal pagi dan petang di negeri-negeri pantai barat Semenanjung. Oleh itu, setiap individu dan masyarakat perlu meningkatkan kepedulian dengan memastikan tiada bekas-bekas terbiar yang boleh menakung air hujan di persekitaran rumah sehingga boleh menjadi tempat pembiakan Aedes. Ketua penduduk di kawasan kejiranan perlu mengingatkan masyarakat untuk meningkatkan aktiviti pembersihan di persekitaran rumah supaya bebas tempat pembiakan Aedes. Buang segala barang-barang lusuh dan terpakai yang tidak diperlukan seperti tong cat terpakai, tayar terpakai, akuarium lama dan sebagainya atau simpan barang-barang tersebut di tempat yang kering dan tidak terdedah kepada risiko terisi oleh air hujan.

Pemilik premis yang meninggalkan kediaman untuk jangka masa lama perlu mempunyai rasa tanggungjawab dengan memastikan tiada tempat air bertakung di dalam dan luar rumah yang boleh menjadi tempat Aedes membiak dan menyebabkan ancaman Demam Denggi kepada jiran tetangga. Selain itu, amalkan langkah pencegahan dari gigitan nyamuk seperti memakai


repelan jika melakukan aktiviti di luar rumah serta gunakan bahan penghalau nyamuk seperti aerosol atau lingkaran penghalau nyamuk elektrik ketika di dalam rumah. Jangan alpa, Demam Denggi boleh meragut nyawa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
7 Julai 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 26 dan ke- 27 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 27 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 27 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 27/2020
(28 Jun hingga 4 Julai 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 27/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 27/2019	
		Minggu Epid 27 (28 Jun – 4 Julai 2020)		Minggu Epid 26 (21 Jun – 27 Jun 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	11	0	4	0	44	0	221	0
2	Kedah	25	0	26	0	518	0	1,049	3
3	P. Pinang	48	0	40	0	529	1	3,114	8
4	Perak	50	0	56	0	2,029	3	1,693	2
5	Selangor	876	1	867	0	31,007	30	37,263	34
6	WP KL & Putrajaya	340	0	369	1	6,442	6	7,785	4
7	N. Sembilan	76	0	82	0	1,574	6	1,268	7
8	Melaka	65	0	85	0	1,320	5	1,098	5
9	Johor	298	1	301	1	5,405	21	5,392	15
10	Pahang	73	0	80	0	1,551	4	839	4
11	Terengganu	9	0	11	0	231	0	359	1
12	Kelantan	158	0	106	0	2,087	4	1,857	3
13	Sarawak	23	0	20	0	1,136	2	924	1
14	Sabah	64	0	73	0	2,629	12	2,707	13
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	22	0
	MALAYSIA	2,116	2	2,120	2	56,507	94	65,591	100

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 27/2020
(28 Jun hingga 4 Julai 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	141	209
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	38	96
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	23	90
4	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	75	86
5	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	35	82
6	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68 - U10/77b)	15	82
7	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	34	80
8	WPKL	Cheras	Vista Tasik	70	77
9	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	14	75
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	20	68
11	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (02)	43	68
12	PERAK	Kinta	Kg Simee	20	66
13	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 06	14	62
14	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	25	62
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (P/puri Brunfield Riverview)	26	60
16	WPKL	Titiwangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	40	59
17	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	8	58
18	SELANGOR	H/Langat	Jln Dagang 1/1-1/11 Tmn Dagang	18	57
19	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy B : Blok 3 - 8)	26	55
20	SELANGOR	Klang	Apartment Impian Sentosa	33	54
21	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Bayu Taman Kema Cahaya	8	53
22	WPKL	Cheras	Kuarters Guru, Bdr Sri Permaisuri	23	52
23	N SEMBILAN	Seremban	Bdr Seremban Selatan Fasa 3a (Jln. 3/3)	20	52
24	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Flora	11	52
25	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel B	10	51
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	12	48
27	WPKL	Lembah Pantai	Central Residence	11	47

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	16	47
29	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/D Bandar Bukit Mahkota	9	47
30	SELANGOR	Klang	Ambang Botanik 05	10	47
31	WPKL	L/Pantai	Pearl Point Kondo	11	46
32	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns Blok 1 -11)	17	46
33	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong (Vista Prima)	12	46
34	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 16	27	46
35	WPKL	L/Pantai	Ppr Pantai Ria	14	45
36	SELANGOR	H/Langat	Jln Pahlawan 2,4,6,8,10,12,14,16,18&20 Bmc	11	44
37	PERAK	Kinta	Kg Bercham	10	44
38	WPKL	L/Pantai	Tiara Mutiara Service Apartment	17	43
39	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	16	42
40	WPKL	L/Pantai	Appt Delima	36	41
41	WPKL	Titiwangsa	Tmn Desa Setapak (Jln 1/27b-14/27b)	12	41
42	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5c	9	41
43	WPKL	L/Pantai	Kuarters Ktmb (Blok 2,4,6,8)	9	40
44	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya (Jln Sr 7)	15	40
45	N SEMBILAN	Seremban	Pusat Komersial Oakland(Jalan 4)	8	40
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo/Condo Perdana Selatan)	10	39
47	SELANGOR	H/Langat	Pkns Kampung Sungai Ramal Luar	6	39
48	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Pipit (Koi Kinrara Condo)	6	39
49	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (Ken Damansara Kondo 1)	8	39
50	WPKL	L/Pantai	Tmn Sri Petaling H1-Jln Wan Empuk & 1-2,Sbhg Jln Wan Sendari, Malini,Pikrama)	5	38
51	WPKL	L/Pantai	P/puri Bkt Awansari (Og Courp Kondo)	17	38
52	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (Casa Damansara)	10	38
53	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	9	38
54	WPKL	Titiwangsa	Pa Desa Rejang (Blok E,F,L,M)	13	37
55	WPKL	Cheras	Tmn Ikan Emas (Lrg Ikan Emas 1-5)	6	36
56	WPKL	Putrajaya	Presint 15- Dwiputra Residence	15	36
57	WPKL	Cheras	Taman Mulia (Jalan 16-23 & Jalan 20/117a - 22/117a)	8	36

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	8	36
59	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Palma	10	36
60	SELANGOR	Klang	Sek 25 (Teres F:Jln 25/46-59, Jln 25/115-118b)	8	35
61	SELANGOR	Petaling	Tmn Kembang Sari	5	35
62	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 2	8	35
63	WPKL	L/Pantai	Pantai Dalam (Panorama Kondo)	11	34
64	WPKL	L/Pantai	Og Height Kondo (Taman Yarl)	6	34
65	WPKL	L/Pantai	Tmn Gembira B (Sbhg Jln Selesa 1,9-12,Jln Riang 11-15,Sbhg Jln Selesa)	10	34
66	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Jln Usj 1/19-1/28)	9	34
67	KELANTAN	Kota Bharu	Kubur Maras	15	34
68	WPKL	Cheras	Alam Damai (Jalan Damai Rasa)	11	33
69	JOHOR	J/Bharu	Tmn Impian Emas_Jln Impian Emas 57-65	6	33
70	WPKL	Kepong	Ppr Beringin (D,E,F)	8	32
71	SELANGOR	Petaling	Sek U16 (Denai Alam Teres E : Jln U16/58-59)	14	32
72	SELANGOR	Petaling	Pju 5 Seksyen 8 Gugusan Kesumbar	6	32
73	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Perdana 03	6	32
74	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Jln 18/3 Flat A : Blok 2 -10)	8	32
75	KELANTAN	K/Bharu	Lorong Silat	17	32
76	SELANGOR	Petaling	Usj 3/1	12	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 27/2020 (4 Julai 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kulim Pendang Sik Yan	1 1 3 1 2 2 1	11
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	54 410 13 1	478
4	Perak	Batang Padang Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	60 2 161 1 372 21 110 13 1 1	742
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	Muar	1	1
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat Pasir Mas	5 32 1 2 2 8 1	51
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH			1,289	